



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “JUDI MEROSAKKAN KEHIDUPAN”

20 September 2024 / 16 Rabiulawwal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dirahmati Illahi,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### “JUDI MEROSAKKAN KEHIDUPAN”

Firman Allah SWT, ayat 90 surah *al-Maidah*:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Bermaksud: “Wahai orang yang beriman, sesungguhnya meminum arak, berjudi, pemujaan berhala dan menilik nasib dengan anak panah ialah (semuanya) perbuatan kotor (keji) daripada perbuatan syaitan! Maka, jauhilah (semua perbuatan) itu agar kamu berjaya”.

Dalam bahasa Arab, judi disebut sebagai *al-maisir* atau *al-qimar*, merupakan antara permainan pertaruhan menggunakan anak panah, yang dilakukan oleh masyarakat Arab jahiliah. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, mentakrif judi sebagai permainan dengan memakai wang dan lain-lain sebagai taruhan. Al-Mawardi mentakrifkan judi ialah pertandingan yang mengakibatkan kerugian bagi pihak yang tewas apabila terpaksa menyerahkan hadiah pertaruhan kepada pihak yang menang.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Ayat 90 surah al-Maidah yang khatib perengarkan pada awal khutbah menunjukkan larangan berjudi oleh Allah SWT, yang disifatkan perbuatan keji – pekerjaan syaitan yang wajib umat Islam menjauhinya. Larangan berjudi diletakkan sebaris dengan kegiatan haram lain seperti meminum arak, memuja berhala dan menilik nasib.

Ilmuwan Islam bersepakat bahawa berjudi adalah perbuatan haram di sisi syarak dan pelakunya berdosa besar. Segala bentuk permainan yang mensyaratkan taruhan sejumlah wang atau barang tertentu, kemudian hadiah taruhan menjadi milik pemenang setelah dilakukan proses undian, pertandingan atau dengan cara apa sekali pun, baik secara nyata atau dalam talian, hukumnya tetap haram.

Dilaporkan kebelakangan ini, kegiatan perjudian tidak terbatas berlaku secara zahir, di tempat-tempat perjudian tertentu, tetapi semakin aktif berlaku dalam talian. Sangat mendukacitakan apabila sukan yang merupakan aktiviti riadah untuk menyihatkan tubuh badan, turut dijadikan medan perjudian, melalui kegiatan pertaruhan meramal pasukan yang menang atau tewas, dianjurkan oleh sindiket perjudian. Lebih menyedihkan apabila sindiket judi menyogok penganjur, pengadil dan pemain bertujuan mempengaruhi sesuatu keputusan pertandingan; perbuatan yang sangat bercanggah dengan semangat dan tujuan asal bersukan.

### **Hadirin yang dikasihi Illahi,**

Islam amat menitik beratkan soal kesejahteraan hidup umatnya serta menjamin kelangsungan nyawa, maruah, harta, akal dan keturunan. Kegiatan berjudi diharamkan oleh syarak kerana judi mengundang pelbagai kesan buruk yang menjejaskan kehidupan. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَالَ لِصَاحِبِهِ تَعَالَ أَقَامِرُكَ فَلْيَتَصَدَّقْ

Bermaksud: "Sesiapa yang berkata kepada sahabatnya "marilah kita berjudi, bertaruh! Maka hendaklah dia bersedekah. (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Hadis tersebut menunjukkan Rasulullah SAW melarang kegiatan berjudi atau bertaruh hingga seseorang yang mengajak kepada kegiatan tersebut disarankan bertaubat dan bersedekah sebagai penebus dosa.



Seksyen 26, Enakmen Jenayah (syariah) Perak 1992, memperuntukkan, sesiapa berjudi atau didapati hadir di tempat berjudi sama ada dia melakukan perjudian atau tidak, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

### **Jemaah yang dimuliakan,**

Mimbar menyenaraikan akibat buruk dari kegiatan berjudi seperti berikut:

**Pertama: Menjejaskan sumber ekonomi dan harta** – Judi mendorong pelakunya mengejar kekayaan melalui jalan mudah tanpa perlu bekerja keras. Keuntungan yang diperoleh berdasarkan sumber yang haram, tidak mendapat keberkatan Ilahi. Dalam kebanyakan kes, berjudi mengakibatkan lebih ramai pelakunya mengalami kerugian, kehilangan harta, muflis, menjadi miskin dan menanggung hutang.

**Kedua: Ketagihan dan penyakit jiwa** – Judi menyebabkan pelakunya ketagih; ingin terus bertaruh - mengharapkan kemenangan yang tidak pasti, sekalipun pada hakikatnya sudah menanggung kerugian besar. Pelakunya dihimpit masalah psikologi, kemurungan dan tertekan, menyebabkan penjudi hilang tumpuan semasa bekerja, terdesak memerlukan wang, yang boleh mendorong seseorang untuk banyak meminjam dan berhutang; lebih teruk sanggup menipu, hatta sanggup mencuri, memeras ugut, melakukan rasuah untuk mendapatkan wang bagi memenuhi ketagihan berjudi.

**Ketiga: Mengabaikan tanggungjawab keluarga** – Kegiatan berjudi meleakakan pelakunya, banyak masa disia-siakan, dan tanggungjawab terhadap keluarga diabaikan; malah perandai berjudi boleh menyebabkan berlalunya perselisihan suami isteri, perceraian dan keruntuhan rumah tangga, akibatnya anak-anak menjadi mangsa.

**Keempat: Merosakkan hubungan kemasyarakatan** – Judi sering membawa kepada pertelingkahan, pergaduhan dan permusuhan sesama manusia. Pelaku judi yang tidak dapat menerima kekalahan, berdendam dan sakit hati kepada pihak yang menang, boleh berakhir dengan perbuatan mencederakan pihak yang dianggap lawan, malah ada yang tergamak melakukan pembunuhan kerana kekecewaan dan kemarahan yang tidak dapat dikawal.



## Jemaah Rahimakumullah

Insaflah! kegiatan berjudi hukumnya jelas haram di sisi Islam kerana melibatkan unsur pertaruhan, menyebabkan kerugian yang tinggi serta mengundang pelbagai kemudaratan. Judi boleh memusnahkan sumber ekonomi, meleburkan nilai moral, mengganggu kestabilan hidup, serta memporak-perandakan keluarga dan rumah tangga, dan menghancurkan institusi masyarakat. Ummah wajib menjauhkan diri daripada kegiatan berjudi dan sentiasa berikhtiar memastikan pendapatan diperoleh daripada sumber yang halal dan mengutamakan rezeki yang mendapat rahmat dan keberkatan Illahi.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Hayyu! Ya Qayyum!** Bimbing kami untuk beriltizam – beristiqamah menjalani kehidupan yang diredai oleh Mu. Kurniai kami kekuatan untuk menghindarkan diri dari melakukan perkara yang ditegah oleh Mu. Jauhi kami dan keturunan kami dari terlibat dalam kegiatan perjudian agar keluarga kami dan masyarakat kami dilimpahi keberkatan, terhindar daripada kerosakan akibat bisikan syaitan.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.